# Praktis Tatabahasa

***A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.***

1 Alia telah mendaftarkan namanya untuk menyertai ________, iaitu dalam acara lari di dalam guni.

**A** senamrobik **C** kugiran
**B** sukaneka **D** taridra

2 Amira suka menulis ________ untuk mempertajam kemahiran penulisannya.

**A** halaju
**B** purata
**C** cerpen
**D** jenama

3 Jiran Amin tiada di rumah kerana ________ sekeluarga dirawat di hospital akibat keracunan makanan.

**A** anda
**B** awak
**C** kalian
**D** mereka

4 Sebagai Pengarah Syarikat Permata, ________ dijemput untuk merasmikan Karnival Kerjaya itu.

**A** beliau **C** aku
**B** dia **D** kita

***B. Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang paling sesuai.***

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| segar | tinggi | hampir | tenang | bising |

1 Fahmi melajukan lariannya apabila sudah semakin ________ ke garisan penamat.

2 Hamizi tidak dapat memberikan fokus apabila belajar dalam suasana yang terlalu ________.

3 Murid itu agak ________ setelah menceritakan semua masalah yang dihadapinya kepada guru kaunseling.

4 "Pergilah mandi dahulu supaya badan kamu berasa ________," kata ibu kepada Aifa yang baru pulang dari sekolah.

5 Puan Alizah berasa bimbang apabila doktor menunjukkan keputusan bacaan gula dalam darahnya yang agak ________.

**Revisi Pantas**

**Kata Akronim**

**Contoh:**
- *asbut, debunga, jentolak, kugiran, pawagam, sukaneka, ADUN, UPSI, PROTON, MARA*

**Kata Ganti Nama**

- Contoh kata ganti nama diri pertama:
  - *aku, beta, hamba, kami, kita, patik, saya*
- Contoh kata ganti nama diri kedua:
  - *anda, awak, engkau, kamu, kalian, tuanku*
- Contoh kata ganti nama diri ketiga:
  - *dia, beliau, mereka*

**Kata Adjektif**

- **9 jenis** kata adjektif dan contoh:
  - **sifat:** *berani, kuat, nakal, rajin, tekun*
  - **warna:** *biru, hijau, merah, kuning, ungu*
  - **perasaan:** *bosan, kecewa, malu, sayu, tenang*
  - **waktu:** *awal, cepat, lewat, silam, purba*
  - **bentuk:** *bulat, cengkung, lurus*
  - **ukuran:** *besar, lebar, nipis, panjang, tinggi*
  - **jarak:** *dekat, hampir, jauh, rapat*
  - **cara:** *gopoh, kasar, laju, lincah, perlahan*
  - **pancaindera:** *enak, bising, cantik, manis, pahit*



LIVEWORKSHEETS